

10/04/1998

Kritikan Dr M buka mata masyarakat Eropah

Azizi Othman in London

SEMUA 10 pemimpin serta ketua negara Asia yang menghadiri Asem-2 di London minggu lalu mempunyai dua alasan untuk tersenyum lebar ketika berlepas pulang ke negara masing-masing dari Lapangan Terbang Antarabangsa Heathrow, London. Pertama, kerana kejayaan pasukan Scotland Yard mematahkan cubaan penganas mengebom Pusat Persidangan Ratu Elizabeth II, di mana mesyuarat berlangsung dan kedua, kerana mereka semua berjaya mendapat apa yang dikehendaki dalam mesyuarat itu.

Lebih membanggakan ialah apabila kritikan pedas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terhadap kepincangan dalam tata cara pengurusan ekonomi sejagat, kini mula membuka mata masyarakat Eropah. Jika sebelum ini beliau sering dikritik kerana kelantangannya, Eropah kini sedar bahawa apa yang diperjuangkannya selama ini ialah untuk kebaikan bersama.

Meneliti hasil Asem-2, jelas kelihatan bahawa kejayaan paling bermakna mesyuarat dwi tahunan kali ini ialah apabila hampir seluruh warga Eropah kini mengakui hakikat bahawa langkah mendisiplinkan amalan kewangan di peringkat domestik dan antarabangsa, terutama berhubung isu dagangan mata wang perlu dilaksanakan menyedari potensinya untuk menggawatkan persekitaran ekonomi dunia pada masa depan.

Bertitik tolak dari situ, atas desakan hebat negara Asia, terutama Malaysia, Asem-2 kali ini secara terang mengeluarkan arahan kepada semua menteri luar dan menteri perdagangan masing-masing supaya mengkaji secara terperinci perkara itu serta mengenal pasti langkah yang sesuai diambil. Lebih daripada itu, mereka juga dikehendaki mendefinisikan apakah yang boleh dikategorikan sebagai amalan kewangan yang baik dan sebaliknya.

Memang diakui, sebelum Asem-2 bermula, kebanyakan pemimpin Asia yang ditemui mengakui bahawa mereka kurang yakin dengan kemampuan mesyuarat kali ini untuk membawa kesan positif kepada isu kegawatan ekonomi yang kini melanda. Ini kerana kebanyakannya berpendapat Eropah tidak mengambil berat mengenai masalah itu. Sebenarnya, melihat perkembangan lalu, memang perkara itu sudah dijangka kerana Eropah hanya mengambil pendekatan sambil lewa saja terhadap masalah itu.

Dr Mahathir sendiri, ketika ditanya sehari sebelum melangkah ke meja mesyuarat berkata beliau tidak yakin. Malah, katanya, jika Asem kali ini dapat dijadikan medan untuk Asia menjelaskan letak duduk perkara sebenar mengenai kegawatan ekonomi yang melanda serta rasional bagi beberapa tindakan yang sudah diambil, ia sudah cukup baik. Mengharapkan sesuatu yang lebih daripada itu, mungkin umpama mimpi di siang hari.

Bagaimanapun, seperkara yang mengubah pendirian pemimpin Eropah dalam mesyuarat kali ini ialah apabila mereka didedahkan dengan satu senario menakutkan yang mungkin berlaku jika mereka terus bersikap demikian. Senario itu ialah kegawatan ekonomi Asia boleh mencetuskan kemelesetan sejagat jika masyarakat antarabangsa enggan mengambil daya usaha bersepadu menanganinya secepat mungkin.

Lebih membimbangkan mereka ialah apabila beberapa hasil kajian menunjukkan rantau pertama yang mungkin dilanda masalah selepas kegawatan Asia ialah Eropah kerana pada 1996 saja, eksport dan barangannya ke rantau itu ialah AS\$123 bilion, jauh lebih tinggi daripada yang pernah diimpikannya. Selain itu, bank Eropah mempunyai pendedahan yang jauh lebih tinggi di Asia berbanding risiko mereka di Amerika Syarikat atau Jepun.

Pada masa yang sama, desakan arus perubahan dalam konteks hubungan Asia-Eropah turut menyumbang kepada anjakan paradigma pemimpin benua itu.

Laporan yang dikeluarkan oleh Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) mengenai isu dagangan mata wang seperti yang dijelaskan oleh Dr Mahathir dan beberapa rakan sejawatnya dari Asia turut memberikan kesan positif.

Menurut Perdana Menteri, perangkaan IMF menunjukkan permodalan dana amanah sejagat yang terbabit dalam dagangan mata wang kini dianggar berjumlah AS\$20 trilion. Tanpa mekanisme kawal selia, aliran mengejut dana sebanyak itu, yang boleh digandakan sehingga 20 kali bagi urusan niaga mata wang, pasti mempunyai impak yang besar dan dalam kes ini, tiada sebuah negara pun di dunia ini yang mampu bertahan jika terkena 'badai serangan' aliran dana ini.

Alasan yang sama sebenarnya mendorong kepada kesanggupan Eropah supaya satu kenyataan persaingan mengenai kegawatan ekonomi Asia dikeluarkan oleh Asem-2. Proses menyediakan kenyataan itu juga didapati tidak membabitkan banyak percanggahan manakala hasilnya ialah kedua-dua pihak berpuas hati dengan apa yang dinyatakan. Meneliti sejarah perbincangan pelbagai hala sejak beberapa dekad lalu, sikap positif seperti yang ditunjukkan oleh Asem-2 itu sememangnya boleh dibanggakan oleh semua pihak.

Sementara itu, sumbangan Eropah kepada hasil positif itu juga tidak wajar diketepikan terutama fungsi negara tuan rumah, Britain dalam menjadi perantaraan komunikasi di antara dua benua itu secara lebih berkesan. Pendiannya bahawa Eropah akan sentiasa bersama Asia dalam suasana getir dan senang adalah komitmen besar yang memerlukan pengorbanan bersama. Pada masa yang sama, Britain mahu supaya semua negara Eropah bersatu untuk sama-sama merumuskan pakej terbaik merungkaikan kekusutan di Asia.

Perdana Menteri, Tony Blair, ketika berucap merasmikan Asem-2 mengungkapkan pendiriannya dan Eropah dengan cara paling tepat. Katanya: "Kami di Eropah...bukanlah hanya kawan ketika ketawa saja yang akan hilang apabila kesulitan mula melanda. Dalam konteks hubungan Eropah dengan Asia, kami mahu dilihat sebagai rakan yang sentiasa sedia bersama dalam suasana suka dan duka kerana kami mahukan persahabatan sejati lagi berkekalan."

Serentak dengan itu, Blair mengumumkan pelancaran Dana Amanah Asem (ATF) yang akan menyalurkan bantuan kewangan, kepakaran dan teknikal daripada negara Eropah ke Asia bagi membantu mengatasi kegawatan Asia. Matlamat utama tabung berkenaan ialah untuk menyokong usaha menstruktur semula struktur kewangan Asia.

Pada masa yang sama, ia diharapkan dapat menjadi perangsang kepada reformasi struktural dalam ekonomi Asia seperti yang digariskan oleh IMF. Ia akan menjadikan ekonomi Asia yang teruk dilanda kegawatan lebih berwibawa, sekali gus sesuai dengan kehendak masyarakat kewangan dan pelabur antarabangsa, sekali gus mengembalikan keyakinan mereka untuk kembali menanam modal di negara terbabit.

Sebagai bukti dan simbol komitmen itu, Blair mengumumkan bahawa Britain akan menjadi penyumbang pertama kepada ATF dengan peruntukan berjumlah AS\$5 juta. Beberapa negara Eropah lain dijangka turut mengumumkan sumbangan masing-masing dan menjelang matang tempohnya, dana itu dianggar mempunyai peruntukan berjumlah kira-kira AS\$45 juta untuk dimanfaatkan oleh ekonomi Asia yang memerlukannya.

Selain itu, kesanggupan negara Eropah untuk mengetepikan dulu isu sampingan seperti pemuliharaan alam sekitar, hak asasi manusia dan keanggotaan baru dalam Asem-2 juga banyak memberi sumbangan. Ini kerana ia memberi laluan kepada mesyuarat untuk bertumpu kepada masalah kegawatan ekonomi Asia dan perbincangan mengenai usaha yang boleh diambil untuk menyelesaikannya secara bersama.

Berdasarkan kepada senario itu, Dr Mahathir dalam sidang akhbar selepas majlis penutup Asem-2 menjelaskan bahawa beliau gembira dengan hasil Asem-2 kerana Asia secara amnya boleh dikatakan mendapat lebih daripada apa yang diharapkannya. Walaupun perjalanan mencari penawar kegawatan ekonomi

Asia masih jauh, sekurang-kurangnya langkah kita sudah berada di landasan dan haluan yang betul.

Bukan mudah mencari kesepakatan dalam dunia yang mempunyai diversiti meluas, terutama bagi isu ekonomi yang penuh dengan pelbagai kepentingan. Prosesnya adalah sesuatu yang lambat, sukar dan penuh cabaran. Hanya kesungguhan dan dedikasi dapat menjayakannya. Semua pihak sebenarnya perlu bersabar dan tidak mengharap kejayaan muncul dalam sekelip mata. Memberi kritikan tidak berasas, bukan dapat membantu memulihkan keadaan sebaliknya mungkin mengeruhkan lagi suasana.

Dalam konteks mengembalikan kegemilangan ekonomi Asia, kewujudan forum seperti Asem sendiri sebenarnya memberikan platform untuk mengorak langkah secara peringkat demi peringkat. Kini terbukti sudah bahawa Asem mempunyai kelebihannya yang tersendiri kerana sekurang-kurangnya, suara Malaysia supaya sistem dagangan mata wang sejagat di kawal selia, sudah lantang kedengaran dan semakin diterima dunia.

(END)